

19 DEC 2002

Dr Mahathir-Pembangunan/I

S'WAK TELAH CAPAI PERTUMBUHAN MENGAGUMKAN, KATA DR M

BINTULU, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Sarawak telah mencapai pembangunan pesat daripada segi sosio-ekonomi sejak tiga tahun lepas kerana kestabilan politik di negeri itu.

Semasa bercakap di persidangan berita selepas merasmikan lapangan terbang Bintulu bernilai RM385 juta, Perdana Menteri berkata pada satu masa dahulu, Sabah membangun lebih pesat daripada Sarawak tetapi kini keadaan di sebaliknya.

"Jika anda menguruskan ekonomi dengan baik seperti yang dilakukan oleh kerajaan Sarawak, anda boleh mencapai kemajuan, tetapi jika tidak, anda akan menyesal kemudian," kata beliau.

Mengenai bila pilihan raya umum akan diadakan, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada pengganti beliau.

Mengenai hal lain, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana warga asing yang bertindak membelakangkan undang-undang.

Beliau berkata demikian merujuk kepada tindakan merobohkan beberapa buah rumah kedai lama yang dianggap sebagai warisan sejarah di Jonker Street, di Melaka. Rumah-rumah kedai terbabit dimiliki oleh warga Singapura.

"Saya rasa mereka tidak sensitif. Mereka tidak menghargai sesuatu yang bernilai. Mereka melakukannya tanpa meminta kebenaran kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, bagaimanapun bukan semua warga asing bertindak begitu.

Menurut beliau lagi, terdapat warga asing yang sensitif terhadap aspirasi sesebuah negara.

Beliau juga mahu rakyat Malaysia mencontohi rakyat Korea yang telah banyak mencapai kemajuan dalam memperluaskan kepakaran mereka ke luar negara.

-- BERNAMA

FLL MT PR